

SK Lubok Temiang Juara Sukan Pra Sekolah Labuan 2017



Sekolah Kebangsaan Lubok Temiang (SKLT) muncul juara Kejohanan Sukan Mini Pra Sekolah Kali Ke-11 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan selepas meraih 2 emas dan 1 gangsa.

Pada kejohanan yang diadakan di Kompleks Sukan Labuan, pada Sabtu lalu. menyaksikan SK Pekan Dua menduduki tempat kedua dengan 1 emas dan 1 perak manakala tempat ketiga dimenangi tiga sekolah iaitu SK Kerupang, SK Membedai dan SK Pekan Satu yang masing-masing mendapat 1 emas.

Majlis perasmian sukan itu disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Pendidikan Labuan, Raisin Saidin. Turut hadir

Ketua Sektor Pengurusan Sekolah, Maimoon Haji Matnoh dan Ketua Unit Pendidikan Awal Kanakkanak Dan Pra Sekolah, Diah Mohd Yussof.

Kontinen SK Lubok Temiang dikendalikan tiga jurulatih, Samih Kukung, Nurmi Anuar dan Nasrun Ramli. Samih yang juga guru Pra Sekolah berkata kejayaan itu sangat bermakna kerana pada tahun lalu, SK Lubok Temiang hanya berjaya memasuki final.

Dua pingat emas yang diperoleh ialah menerusi Ahmad Arkaan Israq Ridzuan dalam acara individu lelaki 60 meter dan Lari Berganti-ganti 4X50 Lelaki yang diberisi Ahmad Arkaan Ridzuan, Muhammad Zulqhuzaimi Zulkaply, Reagan Patan George dan Muhammad

Sebanyak 14 pasukan menyertai kejohanan yang berlangsung selama dua hari itu.

Sumber Berita : Utusan Borneo 19 April 2017